



KETUA Bahagian Pembangunan, Md Azrie Tanjong (kiri) menerima basikal daripada Naib Canselor.

Dr Harun lancar Eco-Campus UMSKAL

NST 4.8.2013 20

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah melancarkan program Eco-Campus UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Jumaat lalu.

Beliau turut melancarkan kempen berbasikal dalam kampus, simbolik penanaman pokok buah-buahan dan pelancaran bas Eco-Campus UMSKAL.

Sempena pelancaran itu, Datuk Dr Mohd Harun turut menaiki bas eco-campus bersama pegawai kanan UMS melawat sekitar kediaman kakitangan, kolej kediaman pelajar, masjid dan dewan kuliah pusat yang sedang dalam pembinaan.

Dr Mohd Harun juga merasmikan klinik warga yang terletak berhampiran kolej kediaman pelajar untuk memudahkan pelajar lelaki dan perempuan mendapatkan rawatan awal.

Beliau diberi taklimat ringkas oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Zaini Husin.



SIRAM....Dr Harun menyiram pokok mangga selepas melancarkan Eco-Campus UMSKAL.



KENANGAN.... Dr Harun (tujuh kanan) bersama pegawai kanan UMS berdiri di hadapan bas Eco-Campus UMSKAL.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Sharif Abdul Kadir Omang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Shahril Yussof dan Pustakawan, Dg Rukiah Amit.

Hadir sama Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Syed Nasirin, Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Turut diadakan majlis penyampaian buah kurma dan duit raya kepada Orang Kurang Upaya (OKU) serta penyampaian sumbangan kepada kakitangan.

Naib Canselor UMS kemudiannya berbuka puasa bersama-sama pegawai kanan UMS dan kakitangan UMSKAL di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL dan menuanakan solat Maghrib di Dewan Theatrette. -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabah-times.com.my)